



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

5hb April 2012

TAMBAHAN

No. 7

No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu, adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

Muka

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)
(Pindaan) 2012

3

راغ اوندغ ۲ بریکوة یغ اکن دبنتغکن دالم دیوان اوندغن نگرې ترغگانو،
اداله دتربیتکن انتوق معلومن عموم:

موک

اینیکمین فتدبیران حال إحول اکم اسلام (ترغگانو)

19

(فینداءن) 2012

The following Bill about to be introduced in the State Legislative Assembly of Terengganu, are published for general information:

Page

Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu)
(Amendment) 2012

35



RANG UNDANG-UNDANG*b e r n a m a*

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2012.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En. Tr. 2/2001*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, adalah dipinda dalam seksyen 3 dengan memotong perkataan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, ”.

Pindaan seksyen 5

3. Seksyen 5 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen yang berikut:

“Pelantikan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dan Pengarah

5. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh melantik seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dan beberapa orang Pengarah bagi menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang ditetapkan oleh Majlis dan Enakmen ini.”.

Pindaan seksyen 7

4. Seksyen 7 Enakmen ibu dipinda–

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen (2) yang berikut:

“(2) Dalam membuat dan mengeluarkan sebarang kaedah pengertian atas apa-apa perkara mengenai adat Melayu, maka Majlis hendaklah mengambil perhatian kepada adat Melayu yang diamalkan di dalam negeri ini, dan hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa jika perkara itu berkait dengan apa-apa cara dengan hukum Syarak.”.

Pindaan seksyen 8

5. Subseksyen 8 (1) Enakmen ibu dipinda–

(a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “dan”;

(b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah;dan;”dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d), perenggan yang berikut:

“(e) tidak lebih daripada tiga belas anggota lain.”.

Pindaan seksyen 9

6. Subseksyen 9(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Maka hendaklah ada seorang” dengan perkataan “Pesuruhjaya hendaklah menjadi”.

Pemotongan seksyen 12

7. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 12.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 3
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

Pindaan seksyen 27

8. Subseksyen 27(g) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “anak yatim” perkataan “dan rumah-rumah perlindungan”.

Pindaan seksyen 46

9. Seksyen 46 Enakmen ibu dipinda –

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan“, atas nasihat Menteri Besar, ” ; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 53

10. Seksyen 53 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Mahkamah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Sivil”.

Pindaan seksyen 55

11. Seksyen 55 Enakmen ibu dipinda–

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “, atas nasihat Menteri Besar, ”; dan
- (b) dalam subseksyen (3)–
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Majlis” perkataan“, atas syor Ketua Pendakwa Syarie”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “atau perkhidmatan bersama”.

Pindaan seksyen 56

12. Sekyen 56 Enakmen ibu dipinda–

- (a) dengan memotong perkataan “atau perkhidmatan bersama”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subsekyen (1A) subseksyen yang berikut:

“(1B) Pegawai Penguatkuasa Syariah hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah sendiri.”.

Pindaan seksyen 57

13. Seksyen 57 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana orang” perkataan “beragama Islam dan ”;
- (b) dalam subseksyen (3) –
- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “Perundangan” perkataan “yang beragama Islam”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “atau” dihujung perenggan(a);
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana orang” perkataan “beragama Islam”; dan
 - (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
- (c) mana-mana Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan; atau
- (d) mana-mana pegawai yang difikirkan layak oleh Pihak Majlis.”; dan

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 5
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

- (c) dalam subseksyen (4) –
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana orang” perkataan “yang beragama Islam”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “bolehlah”.

Pindaan seksyen 76

14. Seksyen 76 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ditetapkan oleh Pengawal dari semasa ke semasa” dengan perkataan “ditetapkan di dalam Jadual Ketiga.”.

Seksyen baru 76A

15. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76 seksyen yang berikut:

“76A. Nisab dan kadar zakat harta dan pendapatan yang boleh dikenakan ke atas seseorang adalah seperti dalam Jadual Keempat.”.

Seksyen baru 87A dan 87B

16. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 87 seksyen baru yang berikut:

“Bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal dalam sembahyang Jumaat

87A. (1) Tidaklah boleh mana-mana orang bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat di mana-mana tempat kecuali dia seorang Imam, Khatib atau Bilal yang dilantik di bawah Bahagian ini atau dia adalah seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis untuk bertindak sedemikian berhubung dengan sembahyang Jumaat yang berkenaan itu.

(2) Tidaklah boleh mana-mana orang yang dilantik sedemikian bertindak sebagai Imam, Khatib atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat, selain daripada di masjid yang padanya dia dilantik pada masa itu atau ditugaskan oleh Majlis, melainkan dia dibenarkan oleh Majlis untuk bertindak sedemikian.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Khutbah

87B. (1) Hanya khutbah yang diluluskan oleh Majlis hendaklah dibaca sebagai khutbah bagi maksud sembahyang Jumaat atau sembahyang Hari Raya atau sembahyang-sembahyang lain yang menggunakan khutbah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.”.

Pindaan seksyen 101

17. Seksyen 101 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan” dengan perkataan “atau”.

Pindaan seksyen 106

18. Subseksyen 106 (2) Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “pengelolaan” dengan perkataan “pengurusan dan pentadbiran”;

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 7
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

- (b) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “pengelolaan” dengan perkataan “pengurusan dan pentadbiran”;
- (c) dalam perenggan (i), dengan menggantikan perkataan “bagi” dengan perkataan “dan lain-lain yang berkaitan dengan”;
- (d) dalam perenggan (j), dengan memotong perkataan “ dan” di hujung perenggan itu; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (j) perenggan yang berikut:
- “(ja) tatacara Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam;
- (jb) elaun yang kena dibayar oleh jawatankuasa Majlis atau jawatankuasa-jawatankuasanya;
- (jc) penjagaan dan kawalan anak-anak yatim dan kanak-kanak di bawah jagaan Majlis; dan”;

Seksyen baru 108

19. Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 107 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk meminda Jadual

108. Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, meminda mana-mana Jadual.”.

Jadual baru Ketiga

20. Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Jadual-Jadual yang berikut:

8 TERENGGANU No. TAHUN 2012

JADUAL KETIGA

[Seksyen 76]

PENDAPATAN DAN HARTA YANG BOLEH DIKENAKAN ZAKAT

Pendapatan dan harta yang boleh dikenakan zakat

1. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat adalah seperti yang berikut—

- (a) emas dan perak;
- (b) wang tunai;
- (c) hasil pertanian;
- (d) binatang ternakan;
- (e) ma'adin;
- (f) kunuz;
- (g) rikaz;
- (h) perniagaan;
- (i) saham dan syer;
- (j) penggajian, upah termasuk pendapatan professional; dan
- (k) apa-apa harta atau pendapatan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa dari semasa ke semasa.

Tafsiran

2. (1) Bagi maksud Enakmen ini –

“binatang ternakan” termasuklah lembu, kerbau, biri-biri, kambing, unta dan binatang ternakan yang seumpamanya yang meragut rumput di tanah lapang ternakan dan/atau yang dipelihara sebagai binatang peliharaan tetapi tidak termasuk yang dipelihara bagi maksud-maksud perniagaan;

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 9
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

“emas” termasuklah emas jongkong, matawang emas, barang-barang rumahtangga yang dibuat daripada emas, barang kegunaan sendiri untuk lelaki yang dibuat daripada emas dan barang kemas diri untuk perempuan yang dibuat daripada emas yang melebihi penggunaannya mengikut adat atau telah tidak digunakan dalam haul yang berkenaan;

“hasil pertanian” ertinya padi, jagung, gandum dan lain-lain tanaman bijirin dan seumpama itu;

“kunuz” merujuk kepada harta karun selain dari bentuk galian yang dijumpai di bawah tanah;

“ma’adin” ertinya galian dan bahan galian yang dijumpai di bawah tanah;

“perak” ertinya termasuklah perak jongkong, matawang perak, barang-barang rumahtangga yang dibuat daripada perak, barang kegunaan sendiri untuk lelaki yang dibuat daripada perak dan barang kemas diri untuk perempuan yang dibuat daripada perak yang melebihi penggunaannya mengikut adat atau telah tidak digunakan dalam haul yang berkenaan;

“perniagaan” ertinya apa-apa bentuk perniagaan termasuklah profesion, vokasional, perkhidmatan, pengilangan, usaha niaga atau pengusahaan dalam bentuk perniagaan yang diusahakan oleh individu atau menerusi usaha sama atau syarikat;

“rikaz” ertinya harta karun yang tertanam di bawah tanah sebelum Islam;

“saham dan syer” ertinya saham, termasuk stok debentur, bon, nota dan syer dalam syarikat yang dimiliki secara langsung atau melalui nomini atau nomini-nomini;

“wang tunai” termasuk simpanan semasa, wang simpanan, pelaburan sekuriti, bon dan sijil simpanan premium.

10 TERENGGANU No. TAHUN 2012

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 76A]

Kadar zakat harta dan pendapatan

| <i>Bil</i> | <i>Golongan pendapatan atau Aset</i> | <i>Nisab</i> | <i>Kadar zakat dan asas taksiran</i> |
|------------|---|--|--|
| 1. | Emas | Setara dengan harga 85 gram bersih atau 20 misqal atau 25 mayam atau 2.7108 saga | 2.5 peratus daripada nilai pasaran di akhir haul |
| 2. | Perak | Setara dengan harga 595 gram bersih atau 200 dirham atau 176 mayam atau 7 saga | 2.5 peratus daripada nilai pasaran di akhir haul |
| 3. | Wang Tunai | Setara dengan harga 85 gram emas yang ditetapkan oleh Bank Negara | 2.5 peratus daripada nilai muka di akhir haul |
| 4. | Hasil pertanian (padi, jagung dan lain-lain tanaman bijirin yang merupakan makanan asasi) | 1317 kilogram atau setara dengan 363 gantang Baghdad | 10 peratus jika seluruh pengairan tanah ini diusahakan dengan cara-cara semulajadi 7.5 peratus jika sebahagian pengairan tanah itu diusahakan dengan cara-cara semulajadi dan sebahagiannya lagi dengan apa-apa kaedah yang lain daripada cara-cara semulajadi 5 peratus jika pengairan tanah itu diusahakan dengan apa-apa kaedah yang lain daripada cara-cara semulajadi |

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 11
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

| <i>Bil</i> | <i>Golongan pendapatan atau Aset</i> | <i>Nisab</i> | <i>Kadar zakat dan asas taksiran</i> |
|--------------------------|--|---|---|
| 5. | Galian Emas bijih | Setara dengan harga 85 gram emas atau 20 misqal | 20 peratus daripada jumlah hasil keluaran mengikut nilai pasaran |
| | Perak bijih | Setara dengan harga 595 gram atau 200 dirham | |
| | Bijih besi, tembaga, dll | Setara dengan harga 85 gram emas atau 20 misqal | |
| | Petroleum dan gas | Setara dengan harga 85 gram emas atau 20 misqal | |
| 6. | Hutang | Setara dengan harga 85 gram emas | |
| 7. | Saham dan syer | Setara dengan harga 85 gram emas | |
| 8. | Perniagaan | Setara dengan harga 85 gram emas | |
| *Nota : Perak = 624 gram | | | |
| 9. | Binatang ternakan: (a) Jenis kerbau atau lembu atau sejenis dengannya | Memiliki antara 30 – 39 ekor | Seekor jantan melebihi umur setahun |
| | | 40 – 59 ekor | Seekor betina melebihi umur dua tahun |
| | | 60 – 69 ekor | Dua ekor jantan melebihi umur setahun tiap-tiap satunya |
| | | 70 – 79 ekor | Seekor jantan melebihi umur setahun dan seekor betina melebihi umur dua tahun |
| | | 80 – 89 ekor | Dua ekor betina melebihi umur dua tahun tiap-tiap satunya. |

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

14

12 TERENGGANU No. TAHUN 2012

| <i>Bil</i> | <i>Golongan pendapatan atau Aset</i> | <i>Nisab</i> | <i>Kadar zakat dan asas taksiran</i> |
|------------|--|----------------------------------|--|
| | | 90 – 99 ekor | Tiga ekor jantan melebihi umur setahun tiap-tiap satunya |
| | | 100 – 109 ekor | Dua ekor betina melebihi umur setahun tiap-tiap satunya dan seekor betina melebihi umur dua tahun. |
| | | 110 – 119 ekor | Dua ekor betina melebihi umur dua tahun tiap-tiap satunya |
| | | 120 dan ke atas | Tiga ekor betina melebihi umur dua tahun tiap-tiap satunya atau empat ekor jantan melebihi umur setahun tiap-tiap satunya. |
| | (b) Jenis kambing | Memiliki antara 40 – 120 ekor | Seekor jantan atau seekor betina berumur lebih dua tahun |
| | | 121 – 200 ekor | Dua ekor jantan atau betina berumur lebih setahun |
| | | 201 – 399 ekor | Tiga ekor jantan atau betina berumur lebih dua tahun |
| | | Bagi setiap 100 ekor selepas itu | Seekor jantan atau betina berumur lebih dua tahun |
| | (c) Jenis biri-biri | Memiliki antara 40 – 120 ekor | Seekor jantan atau betina berumur lebih setahun |
| | | 121 – 200 ekor | Dua ekor jantan atau betina berumur lebih setahun tiap-tiap satu |
| | | 201 – 399 ekor | Tiga ekor jantan atau betina berumur lebih setahun tiap-tiap satu |
| | | Bagi setiap 100 ekor selepas itu | Seekor jantan atau betina berumur lebih dua tahun”. |

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 13
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

HURAIAN

Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan bagi mengelakkan sebarang keraguan bahawa kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri Terengganu adalah mutlak dan tidak tertakluk kepada peruntukkan Enakmen ini.

4. *Fasal 3* bertujuan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam pelantikan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dan Pengarah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Majlis dan sebagai pelaksana kepada semua dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru iaitu subseksyen 7(2) ke dalam Enakmen ibu yang bertujuan menambah fungsi Majlis yang boleh memberi kaedah pengertian berhubung apa-apa perkara mengenai adat Melayu yang diamalkan di dalam negeri ini dan tanggungjawab Majlis merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa jika perkara itu berkait dengan hukum Syarak.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah sebagai salah seorang anggota Majlis.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk menjadikan Pesuruhjaya sebagai Setiausaha Majlis dan juga sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan pentadbir Majlis.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk tidak mewartakan pelantikan dan pembatalan anggota Majlis.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk menambah perkataan rumah perlindungan di dalam seksyen 27 (g) Enakmen.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 46 untuk memberi kuasa budibicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Terengganu.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk menjelaskan maksud mahkamah dalam seksyen 53 adalah merujuk kepada Mahkamah Sivil.

14 TERENGGANU NO. TAHUN 2012

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi kuasa budibicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah menjadi Ketua Pendakwa Syarie dan Majlis atas syor Ketua Pendakwa Syarie pula boleh melantik pendakwa-pendakwa syarie dari kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 1b bagi memperuntukkan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa Syariah di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk mematikan bahawa mana-mana orang yang ingin menjadi Peguam Syarie mestilah beragama Islam termasuk anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971. Seksyen 57 ini juga untuk memasukkan mana-mana Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau Mana-mana pegawai yang difikirkan layak oleh pihak Majlis boleh bertindak sebagai Peguam Syarie.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk menambah Jadual Baru berkaitan dengan nisab dan kadar zakat harta dan pendapatan iaitu Jadual Ketiga dan Jadual Keempat.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan peruntukkan baru seksyen 76A untuk menentukan nisab dan kadar zakat harta dan pendapatan yang dikenakan ke atas seseorang berdasarkan Jadual keempat.

17. *Fasal 16* bertujuan memasukkan subseksyen baru 87A, bagi memastikan hanya Imam, Khatib dan Bilal yang dilantik atau diberikuasa sahaja yang boleh bertindak sebagai Imam, Khatib atau Bilal bagi mana-mana sembahyang Jumaat dan peruntukan ini dimasukkan bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang tidak diberi kuasa oleh Majlis untuk mengadakan sembahyang Jumaat. Subseksyen baru 87B, pula bagi memastikan hanya khutbah yang diluluskan oleh Majlis sahaja yang boleh dibaca atau digunakan bagi sembahyang Jumaat atau sembahyang lain yang menggunakan khutbah dan tindakan undang-undang boleh dikenakan bagi yang melanggar peruntukan tersebut.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk membolehkan seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun boleh memeluk agama Islam sekiranya dibenarkan oleh sama ada ibu atau bapa atau penjaganya.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 106 bagi memberi kuasa kepada Majlis, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan pentadbiran pungutan khairat dan pelupusan hasilnya, pengurusan dan pentadbiran masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berhubungan dengannya tatacara Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam, elaun yang kena dibayar oleh jawatankuasa Majlis atau jawatankuasa-jawatankuasanya, dan penjagaan dan kawalan anak-anak yatim dan kanak-kanak di bawah jagaan Majlis.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 15
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2012

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan satu peruntukan baru bagi membolehkan Majlis menambah jadual baru kepada Enakmen.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan Jadual Ketiga dan Jadual Keempat kepada Enakmen ibu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PUN.Tr. 15/111]